



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

CAAM PANTAU DAN PASTIKAN MITIGASI RISIKO SYARIKAT PENERBANGAN TERHADAP KESELAMATAN DALAM PENERBANGAN

Insiden yang melibatkan penerbangan AirAsia dari Kuala Lumpur ke Tawau, Sabah pada hari Jumaat, 11 Februari 2022 baru-baru ini apabila seekor ular ditemui di dalam pesawat, telah selamat dilencongkan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak mengikut prosedur keselamatan yang diperlukan.

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah berhubung rapat dengan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mengenai perkara ini dan pengawal selia keselamatan dan teknikal telah menguruskan hal ini dengan baik dengan syarikat penerbangan tersebut mengikut semua prosedur dan peraturan keselamatan.

Setiap syarikat penerbangan mematuhi semakan pra-penerbangan yang ketat sebagai sebahagian daripada keperluan dan prosedur operasi standard.

Sehubungan itu, CAAM akan terus memantau situasi dengan pengurusan syarikat penerbangan untuk memastikan segala mitigasi risiko diuruskan sewajarnya. CAAM tidak akan berkompromi dalam sebarang isu yang boleh menjejaskan keselamatan operasi syarikat penerbangan.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

CAAM TO MONITOR AND ENSURE AIRLINES MITIGATE RISKS TO SAFETY AND SECURITY ON FLIGHTS

An incident involving an AirAsia flight from Kuala Lumpur to Tawau, Sabah on Friday, 11 February 2022 in which a snake was discovered onboard, was safely diverted to Kuching International Airport, Sarawak following required safety procedures.

The Ministry of Transport (MOT) has been in close contact with the Civil Aviation Authority of Malaysia in regards to this matter and the technical safety and security regulator has managed this well with the airline in accordance with all safety procedures and regulations.

Every airline follows strict mandatory detailed pre-flight checks as part of regulated requirements and standard operating procedures.

As a follow-up, CAAM will continue to monitor the situation with the airline management to ensure all risks are mitigated correctly and accordingly. CAAM will not compromise on any issue that could potentially jeopardise the safety and security of airlines operations.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
12 FEBRUARI 2022

-TAMAT-

Pertanyaan Media

Hotline 1800-88-7723
Faks +603 8892 0208
E-mel aduan@mot.gov.my

